



SIARAN MEDIA

ANUGERAH KECEMERLANGAN MEDIA KPKT (AKeMedia) 2023 : “MEDIA WADAH PENGHUBUNG KPKT DAN KOMUNITI”

KUALA LUMPUR, 3 November 2023 - Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah merasmikan Majlis Anugerah Kecemerlangan Media KPKT (AkeMedia) 2023 yang berlangsung di Hotel JW Marriot, Kuala Lumpur pada malam ini.

Penganjuran Majlis AKeMedia 2023 ini merupakan inisiatif Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Unit Komunikasi Korporat KPKT bagi meraikan dan mengiktiraf peranan dan sokongan berterusan rakan-rakan media yang mengetengahkan hasil karya berkualiti berkaitan agenda utama KPKT. AkeMedia 2023 merupakan **hasil cetusan idea YB KM dan julung kali diadakan pada tahun ini**.

AkeMedia 2023 telah memperlihatkan penyertaan yang amat menggalakkan melalui **363 penyertaan** bagi hasil karya yang telah disiarkan bermula 1 Disember 2022 sehingga 10 September 2023. Sebanyak **10 Anugerah** telah dipertandingkan iaitu;

1. Anugerah Khas Menteri
2. Anugerah Liputan Perumahan Terbaik
3. Anugerah Liputan PBT Terbaik
4. Anugerah Liputan Wira Merah Terbaik
5. Anugerah Liputan Kemampanan Bandar & Persekitaran Hijau Terbaik
6. Anugerah Liputan Pengurusan Sisa Pepejal Terbaik
7. Anugerah Liputan Kredit Komuniti Terbaik
8. Anugerah Liputan Radio Terbaik
9. Anugerah Media Khas Multimedia
10. Anugerah Kewartawanan Foto Cemerlang

Anugerah Khas Menteri merupakan pengiktirafan tertinggi yang dipertandingkan dalam AKeMedia 2023 yang menerima hadiah **wang tunai sebanyak RM10,000 berserta trofi dan sijil penyertaan**. Manakala pemenang bagi setiap kategori yang melibatkan kategori Penyiaran Televisyen dan Video Dalam Talian; Media Cetak dan Portal Berita; Kategori Radio; Multimedia; dan Kewartawanan Foto Terbaik menerima hadiah wang tunai **RM3,000 berserta trofi dan sijil**.

AKeMedia 2023 dilaksanakan oleh KPKT dengan kerjasama Malaysian Press Institute (MPI) bagi penyelarasan aspek hebahan pertandingan, pengemaskinian syarat-syarat pertandingan serta proses penjurian. MPI merupakan sebuah badan profesional yang ditubuhkan oleh media Malaysia dengan sokongan kerajaan di mana menjadi pusat penyediaan latihan asas dalam kewartawanan Malaysia. Justeru, pelantikan MPI sebagai Sekretariat Pertandingan dan Penjurian bagi anugerah berprestij ini sangat tepat dan diyakini berdasarkan pengalaman dalam menguruskan pelaksanaan anugerah-anugerah kewartawanan di negara ini.

YB KM berkata, “KPKT merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh pengamal media yang sentiasa memainkan ‘watak penting’ dalam menyebarkan luas maklumat yang tepat dan sahih dalam setiap pelaporan berita, editorial, advertorial, rangkuman isu serta program-program yang memberi impak dan imej positif berkaitan KPKT. Adalah menjadi harapan saya, agar hubungan baik yang telah terbina dan terjalin antara kementerian dan media ini terus erat dan utuh serta melengkapinya antara satu sama lain. Ini selari dengan usaha kita bersama dalam membentuk ‘*nation building*’ yang lebih bermakna dan menjanjikan kesejahteraan serta kemakmuran.”

Tambah beliau, “Hubungan kerjasama yang baik di antara kerajaan dan media massa akan dapat membantu melahirkan pasukan komunikasi dalam kalangan organisasi kerajaan yang lebih cekap dalam mengendalikan maklumat. Maklumat tentang dasar-dasar kerajaan dapat disalurkan secara berkesan kepada rakyat meskipun Malaysia tidak terkecuali turut mendepani cabaran revolusi maklumat melangkaui sempadan.”

Justeru, penganjuran Majlis Anugerah Kecemerlangan Media KPKT bagi tahun 2023 ini diharap dapat memberi inspirasi dan suntikan semangat kepada seluruh pengamal media untuk terus menghasilkan liputan dan publisiti bagi program-program dan agenda

berkaitan pembangunan dan usaha-usaha KPKT dalam menjayakan aspek daya huni rakyat di negara ini.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

